

23 pelajar USIM jayakan khidmat masyarakat di Kemboja

SEREMBAN 23 Julai - Sebanyak 23 pelajar Pengajian Agama dan Akidah Tahun 3, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) mengadakan program khidmat masyarakat atau *Global International Students Outreach* ke Kampung Potti Inn, Kemboja baru-baru ini.

Program selama lima hari empat malam bermula 1 Julai lalu itu bertujuan meningkatkan jati diri dan pemikiran kritis seterusnya melatih kepimpinan dan kemahiran berorganisasi ketika mengendalikan aktiviti dirancang.

Menurut Pengarah Program, Muhammad Asyraf Izzat Abdul Wahab, program berkenaan dilihat sebagai salah satu cara mendedahkan mahasiswa kepada kehidupan masyarakat di luar negara yang hidup dalam kesusahan dan kurang bernasib baik.

Jelasnya, program kemasyarakatan itu banyak membantu peserta memahami nasib masyarakat yang



SERAMAI 23 orang pelajar Pengajian Agama dan Akidah Tahun 3 USIM yang menyertai program khidmat masyarakat ke Kampung Potti Inn, Kemboja baru-baru ini.

minoritinya beragama Islam di Kemboja yang berada dalam keadaan kemiskinan.

"Sepanjang berada di sini pel-

bagai program kita lakukan antaranya memberi bantuan dalam bentuk pendidikan khususnya kepada anak-anak Islam Kemboja untuk

mengendalikan kelas bahasa Inggeris, tajwid dan kelas kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)," katanya di sini baru-ba-

ru ini.

Muhammad Asyraf Izzat memberitahu, pihaknya turut mencari bantuan dan sumbangan

orang ramai untuk didermakan kepada masyarakat di kawasan terbabit.

Tambahnya, sumbangan diterima digunakan untuk membina perigi, mengedarkan pakaian, mengadakan majlis akikah, mengecat asrama dan melaksanakan modul untuk kelas agama.

Dalam pada itu, Mufti Kemboja, Kamaruddin Yusuf berterima kasih atas kunjungan para penuntut USIM yang sudi membantu penduduk kampung dengan mengadakan pelbagai aktiviti yang berfaedah dan menarik.

Menurut beliau, pihaknya terharu menerima sumbangan generator yang pasti membantu penduduk kampung melakukan aktiviti harian lebih-lebih lagi sepanjang bulan Ramadan.

Antara aktiviti yang dijalankan termasuk lawatan ke Madrasah An' Nikmah di Phnom Penh selain aktiviti sukaneka dan gotong-royong mengindahkan kawasan sekolah dan asrama.